

Media Permata

Sejak 1995

Jilid: MP26/O36 • Jumaat, 11 Ogos 2023 / 24 Muharram 1445H • B\$1.50 • Harian Unggul Brunei Darussalam

WAKTU SOLAT IMSAK 4:46AM • SUBUH 4:56AM • SYURUK 6:17AM • DOHA 6:40AM • ZOHOR 12:27PM • ASAR 3:44PM • MAGHRIB 6:31PM • ISYAK 7:46PM • TAMBAH 3 MINIT BAGI BELAIT DAN 1 MINIT BAGI TUTONG

471 BAKAL GRADUAN UNISSA DIRAI

Oleh Ak Zaki Kasharan

BANDAR SERI BEGAWAN, 10 OGOS – Seramai 471 orang bakal graduan Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) diraikan dalam Majlis Khatam Al-Quran dan Doa Kesyukuran sempena Hafl Al-Takharruj ke-13 yang berlangsung di Jame' 'Asr Hassanil Bolkiah, Kampung Kiarong, pagi tadi.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis ialah Rektor UNISSA, Dr Haji Norarfan bin Haji Zainal yang turut berkesudahan memimpin bacaan Surah Al-Fatihah bagi memulakan majlis, diikuti dengan bacaan Surah Ad-Duha hingga Surah An-Nas oleh bakal graduan UNISSA secara beramai-ramai.

Acara kemudian disusuli dengan bacaan takhtim oleh mahasiswa UNISSA dan disudahi dengan bacaan Doa Khatam oleh Awang Abdul Mu'in bin Haji Abdul Hamid yang merupakan graduan Program Sarjana Muda Ekonomi dan Kewangan Islam.

Seterusnya, acara diserikan dengan laungan Dikir Marhaban dan bacaan Doa Kesyukuran UNISSA yang dipimpin oleh



Rektor UNISSA semasa menyampaikan cenderamata kepada salah seorang bakal graduan yang diraikan pada majlis khatam tersebut.

Awang Mohd Nur Iqbal bin Awang Asli yang merupakan graduan Program Sarjana Muda Usuluddin.

Turut hadir bagi meraikan majlis tersebut ialah penolong-penolong rektor, pegawai-

pegawai utama, timbalan-timbalan dekan serta ibu bapa dan penjaga graduan.

Majlis berkenaan merupakan salah satu acara tahunan yang diungkapkan bagi menyemarakkan Sambutan Hafl



Salah seorang bakal graduan UNISSA menerima cenderamata daripada Dr Haji Norarfan.

Al-Takharruj UNISSA.

Antara lain tujuan majlis diadakan ialah untuk membudayakan pembacaan Al-Quran dalam kalangan mahasiswa dan mahasiswi selaras dengan hasrat untuk menjadikan Negara

Brunei Darussalam sebagai negara zikir.

Di samping itu, ia juga bagi menggalakkan penglibatan para mahasiswa dan mahasiswi dalam aktiviti keagamaan agar dijadikan sebagai amalan harian.